


MyPay memudahkan urusan rakyat



SAIFUDDIN (tiga kiri) melancarkan MyPay bersama Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Muez Abdul Aziz dan Sabri (kini). FOTO Ahmad Irham Mohd Noor

Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@hmetro.com.my

BAYARAN saman dan pinjaman selain semakan maklumat penting membabitkan agensi kerajaan kini boleh diselesaikan menerusi platform perkhidmatan digital, MyPay sekaligus memudahkan pengguna menyelesaikan urusan berkaitan.

MyPay yang dibangunkan oleh syarikat berteknologi maju tempatan, Dapat Vista Sdn Bhd menawarkan kemudahan seperti menyemak baki pinjaman, membuat bayaran untuk pinjaman, maklumat terkini saman trafik dan cukai tertunggak, keupayaan memperbaharui lesen serta membuat aduan dan laporan melalui perkhidmatannya.

Pengarah Eksekutif MyPay, Sabri Rahman berkata, perkhidmatan itu dibangunkan untuk menggabungkan maklumat individu yang berkaitan dengan perkhidmatan kerajaan dan perkhidmatan pembayaran dalam talian dengan kecekapan digital.

Menurutnya, perkhidmatan itu menghubungkan pengguna dengan pelbagai agensi kerajaan antaranya Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), RAM Credit Information Sdn Bhd (RAMCI).

Kami menyediakan penyelesaian pengurusan maklumat sehenti yang lancar bagi membolehkan pengguna menikmati kemudahan menerima maklumat penting dan membuat pembayaran wajib kepada pelbagai agensi kerajaan, tepat pada masanya dan mudah.

"MyPay juga memberikan agensi kerajaan satu lagi platform atau pilihan pemungutan ke arah penambahbaikan proses pemungutan malah, ia turut membantu menutup jurang di antara pemakluman bil dan pembayaran sekaligus meningkatkan pemungutan," katanya berucap pada pelancaran MyPay di Putrajaya, hari ini.

Pelancaran platform digital itu disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dalam satu majlis di sini.

Dalam pada itu, Sabri berkata, terdapat beberapa agensi kerajaan utama boleh didapati di MyPay dan pihaknya menjangkakan lebih banyak perkhidmatan akan disediakan sebaik saja pengesahan teknikal dilaksanakan.

Sementara itu, Saifuddin Nasution berkata, dengan adanya platform perkhidmatan digital MyPay, potensi pengguna berdepan dengan penipuan adalah kurang.

"Berdasarkan pengamatan kami di peringkat kementerian, trend aduan berhubung penipuan atas talian ini meningkat malah ia mengatasi aduan berkaitan harga barangan.

"Melihatkan kepada demonstrasi penggunaan MyPay, kemudahan ini sangat sesuai dan boleh dipercayai sekaligus potensi penipuan itu kurang," katanya.

Katanya, secara purata, pihaknya menerima kira-kira 2,500 aduan daripada pengguna pada setiap bulan dan 26 peratus daripadanya membabitkan penipuan atas talian.

Artikel ini disiarkan pada : Khamis, 15 Ogos 2019 @ 6:20 PM

